

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2017/2018**

NAMA KURSUS	:	FALSAFAH PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 10102
KOD PROGRAM	:	BBA/ BBB/ BBC/ BBD/ BBE/ BBF/ BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN / JULAI 2018
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA PULUH (20) MUKA SURAT

SULIT

- S1.** Metafizik, epistemologi, aksiologi dan logik adalah cabang-cabang falsafah. Epistemologi adalah persoalan tentang
- nilai estetika.
 - hakikat di sebalik alam nyata.
 - kebenaran ilmu dan pengetahuan.
 - perkara yang dilihat melalui pancaindera.
- S2.** Antara cabang-cabang falsafah berikut, yang manakah di antara yang berkaitan dengan kajian ilmu dan nilai?
- Metafizik.
 - Epistemologi.
 - Aksiologi.
 - Logik.
- I dan III sahaja.
 - II dan III sahaja.
 - II dan IV sahaja.
 - III dan IV sahaja.
- S3.** Pilih dan padankan mazhab falsafah dengan epistemologi yang tepat.
- Idealisme Kebenaran sebagai fakta
 - Realisme Kebenaran sebagai idea
 - Pragmatisme Kebenaran sebagai pengalaman
 - Eksistensialisme Kebenaran sebagai pilihan individu
- I dan II sahaja
 - III dan IV sahaja.
 - I, III dan IV sahaja.
 - II, III dan IV sahaja.
- S4.** Siapakah di antara tokoh berikut yang mentakrifkan pendidikan ialah proses pembinaan pekerti dan pengembangan akal fikiran?
- Plato.
 - Socrates.
 - Aristotle.
 - John Dewey.



TERBUKA

S5. “Pendidikan di dalam peringkat sekolah rendah hendaklah mengutamakan pendidikan asas, iaitu membaca, menulis dan mengira”

Manakah antara berikut mengutamakan pendidikan asas seperti kenyataan di atas.

- A. Essensialisme.
- B. Pragmatism.
- C. Rekonstruktivisme.
- D. Eksistensialisme.

S6. Guru adalah ‘role model’ yang sentiasa menjadi perhatian. Selain daripada mempunyai nilai sahsiah yang baik, seorang guru juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang diajari serta mempunyai kepakarannya yang tertentu. Apakah cabang falsafah yang boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?

- A. Logik.
- B. Metafizik.
- C. Aksiologi.
- D. Epistemologi.

S7. Yang manakah antara berikut merupakan aktiviti murid-murid belajar di pondok sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu?

- I. Mengkaji ayat-ayat Quran
- II. Menghafaz huruf abjad Arab
- III. Menafsir ayat-ayat Quran
- IV Mengenal taranum bacaan Quran

- A. I,dan III sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C. I, II dan III sahaja.
- D. I,II,III dan IV.

S8. Apakah ilmu yang membentuk penaakulan sah?

- A. Aksiologi.
- B. Logik.
- C. Epistemologi.
- D. Etika.

TERBUKA

- S9.** Setiap pelajar mempunyai potensi yang berbeza antara satu sama lain. Oleh itu seseorang guru perlu mengajar muridnya mengikut kebolehan individu tersebut. Siapakah yang berpendapat seperti di atas?
- A. Plato.
B. Conficius.
C. Xun Zi.
D. Aristotle.
- S10.** Beliau merupakan seorang ahli falsafah yang terkenal di negara China yang menegaskan bahawa pendidikan adalah proses untuk memupuk kesempurnaan tingkah laku manusia dan ini boleh dicapai melalui amalan tingkah laku yang bersopan santun, bertimbang rasa, ikhlas dan hormat antara satu sama lain. Siapakah antara berikut yang berpandangan seperti diatas?
- A. Plato.
B. Conficius.
C. Xun Zi.
D. Aristotle.
- S11.** Parenialisme adalah falsafah tradisional yang banyak dipengaruhi oleh fahaman idealism. Siapakah antara berikut yang berpandangan seperti diatas?
- A. Plato dan Aristotle.
B. Plato dan Conficius.
C. John Dewey dan Aristotle.
D. John Stuart Mill dan John Dewey.
- S12.** John Dewey, Willian H. Kilpatrick, Boyd H. Bode, dan Harold V. Rugg adalah merupakan nama-nama tokoh falsafah barat yang mempelopori falsafah
- A. Parenialisme.
B. Essentialisme.
C. Progressivisme.
D. Rekonstruktivisme.



TERBUKA

SULIT

BBB 10102

S13. Semua berikut adalah perubahan Sistem Pendidikan Kebangsaan berdasarkan syor-syor Laporan Kabinet 1979 kecuali

- A. kegiatan kurikulum diutamakan.
- B. Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam semua peringkat persekolahan.
- C. Kurikulum sekolah KBSR dan KBSM digubal dan dilaksanakan dalam tahun 1980an.
- D. Matapelajaran Kemahiran Hidup wajib dipelajari dalam sekolah menengah rendah.

S14.

Jika $A > B$, dan $B > C$
Maka berdasarkan prinsip Logik, $A > C$

Rajah S14

Rajah S14 di atas menggambarkan tentang logik

- A. Deduktif.
- B. Induktif.
- C. Sumatif.
- D. Formatif.

S15. Pada zaman penjajahan Inggeris di negara kita, empat aliran bahasa digunakan dengan tujuan

- A. memupuk perpaduan di antara kaum yang berbeza.
- B. memperkembangkan kebudayaan Inggeris di Tanah Melayu.
- C. memajukan semua kaum ke satu tahap kemajuan yang sama.
- D. memenuhi kepentingan dasar pemerintahan Inggeris dan persekolah kaum masing-masing.

S16. Yang manakah bukan kenyataan yang benar mengenai sistem pendidikan sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu?

- A. Selain daripada pelajaran kitab suci al-Quran, murid-murid juga belajar sedikit Bahasa Melayu.
- B. Kurikulum adalah hanya terhad kepada pelajaran teks Quran sahaja.
- C. Sistem pendidikan adalah pendidikan tak formal.
- D. Kaedah mengajar yang digunakan adalah kaedah menghafaz.



S17. Adalah menjadi hak kanak-kanak di Malaysia dan seluruh dunia untuk mendapatkan pendidikan wajib selama 11 tahun. Manakah berikut berkaitan dengan jenis pendidikan yang dinyatakan di atas?

- A. Pendidikan formal.
- B. Pendidikan informal.
- C. Pendidikan non formal.
- D. Pendidikan berterusan.

S18. Matlamat utama Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan ialah untuk

- A. memastikan sejauh manakah bahasa Malaysia digunakan dalam sistem pendidikan kebangsaan
- B. mengkaji sebab-sebab berlakunya keciciran
- C. mengkaji cara-cara mencegah keciciran murid-murid
- D. mengkaji sejauh mana sistem pelajaran dapat melahirkan tenaga rakyat yang diperlukan serta satu masyarakat yang bersatu padu.

S19. Bidang tugas Laporan Kabinet ialah untuk

- A. mengesyorkan kenaikan darjah dilakukan secara automatik.
- B. mengkaji semula perkhidmatan, ganjaran dan status guru.
- C. mengkaji dasar pendidikan kebangsaan dan memastikan sistem pendidikan tersebut memenuhi matlamat negara.
- D. mengesyorkan supaya umur tamat sekolah ditingkatkan kepada 15 tahun.

S20. Berikut merupakan tujuan utama Falsafah Pendidikan Negara 1988 di gubal.

- A. Menentukan matlamat pendidikan negara.
- B. Memberi panduan dalam penggubalan kurikulum.
- C. Menentukan usaha berterusan ke arah perkembangan potensi murid.
- D. Memberi pedoman terhadap segala rancangan dan pelaksanaan aktiviti pendidikan.

S21. Perkembangan potensi intelek yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan merujuk kepada

- A. memupuk dan membina disiplin kendiri.
- B. berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif.
- C. memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang.
- D. mengembangkan bakat dan kemahiran teknikal dan manipulatif.



SULIT

BBB 10102

S22. Semua berikut boleh diertikan sebagai kurikulum, kecuali

- A. kurikulum tambahan.
- B. aktiviti badan beruniform.
- C. pendidikan untuk masa lapang.
- D. aktiviti pelajaran luar bilik darjah.

S23. Apakah matlamat utama pendidikan guru?

- I. Melahirkan guru yang berkualiti.
 - II. Menguasai ilmu dan kemahiran mengajar.
 - III. Memupuk dan mengamal nilai-nilai keguruan.
 - IV. Mencapai kecemerlangan pendidikan dalam alaf baru.
- A. I dan II sahaja.
 - B. I dan IV sahaja.
 - C. II dan III sahaja.
 - D. III dan IV sahaja.

S24. Dalam perkhidmatan keguruan, setiap guru tertakluk kepada Kod Etika Profesional Keguruan. Mengapa guru perlu akur dengan Kod Etika Profesional Keguruan yang digubal?

- A. Menentukan matlamat pendidikan negara tercapai.
- B. Menjadikan kerjaya guru sebagai kerjaya profesional.
- C. Memastikan guru melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- D. Menjamin tindakan dan amalan guru sentiasa benar dan betul.

S25. Perkara utama dalam sesuatu kurikulum yang sempurna ialah

- I. isi pelajaran dipilih untuk mencapai objektifnya.
 - II. matlamat pendidikan yang harus dicapai oleh sekolah.
 - III. penilaian untuk mengukur keberkesanannya pembelajaran.
 - IV. pendekatan dan strategi yang hendak digunakan untuk mencapai objektif pelajaran
- A. I dan II sahaja.
 - B. I dan IV sahaja.
 - C. I dan III sahaja.
 - D. II dan IV sahaja.



TERBUKA

- S26. Semua berikut adalah perubahan Sistem Pendidikan Kebangsaan berdasarkan syor-syor Laporan Kabinet 1979, kecuali
- kegiatan kurikulum diutamakan.
 - bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam semua peringkat persekolahan.
 - kurikulum sekolah KBSR dan KBSM digubal dan dilaksanakan dalam tahun 1980an.
 - mata pelajaran Kemahiran Hidup wajib dipelajari dalam sekolah menengah rendah.
- S27. Tujuan utama menguatkuasakan Akta Pendidikan 1996 ialah
- menangani cabaran-cabaran Wawasan 2020.
 - memperkuuh semangat perpaduan berbilang kaum.
 - memantapkan Sistem Pengurusan Pendidikan Kebangsaan.
 - melengkapkan perundangan Sistem Pendidikan Kebangsaan.
- S28. Tujuan utama mendirikan Sekolah Bestari ialah
- menjadikan sekolah yang moden.
 - mencapai matlamat Wawasan 2020.
 - mencapai matlamat wawasan pendidikan.
 - menyatupadu murid-murid berbilang kaum.
- S29. Di dalam komponen penyampaian pelajaran, perkara-perkara berikut perlu dipertimbangkan kecuali
- langkah-langkah pengajaran.
 - strategi dan kaedah mengajar.
 - pengalaman murid sedia ada.
 - perkara yang diajar oleh guru lain.
- S30. Mengikut Falsafah Pendidikan Sekolah Rendah, tujuan utama program KBSR adalah memberi pendidikan kepada murid untuk
- menguasai kemahiran asas 3M.
 - memenuhi keperluan mereka masing-masing.
 - menjadi insan yang berilmu dan berakhhlak mulia.
 - memperkembang potensi mereka secara menyeluruh dan bersepada.

**TERBUKA**

SULIT

BBD 10102

S31. Dalam penggubalan Huraian Sukatan Pelajaran KBSR/KBSM, perkara-pekerja yang harus dipertimbangkan ialah

- I. kandungan ilmu dan kemahiran
 - II. nilai-nilai murni
 - III. strategi dan aktiviti pengajaran-pembelajaran
 - IV. hasil pembelajaran
- A. I dan II sahaja.
 - B. III dan IV sahaja.
 - C. I,II, dan IV sahaja.
 - D. I, II, III, dan IV.

S32. Di dalam kelas, nilai-nilai murni boleh dipupuk melalui

- I tingkah laku guru
 - II aktiviti pengajaran guru
 - III penyampaian isi pelajaran
 - IV aktiviti pembelajaran murid
- A. I dan II sahaja.
 - B. III dan IV sahaja.
 - C. I, III dan IV sahaja.
 - D. I, II, III,dan IV

S33. Yang manakah antara berikut merupakan ciri-ciri iklim yang negatif dalam bilik darjah?

- A. Murid duduk diam kerana takut dihukum.
- B. Hubungan mesra antara guru dengan murid.
- C. Iklim persekitaran yang bersih, teratur dan tenteram.
- D. Murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran.

S34. Perancangan pengajaran dan pembelajaran harus berdasarkan

- I huraian Sukatan Pelajaran
- II bahan pelajaran dan kemudahan
- III objektif pelajaran dan isi kandungan
- IV strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran

- A. I dan II sahaja.
- B. III dan IV sahaja.
- C. I, III dan IV sahaja.
- D. I, II, III,dan IV.

**TERBUKA**

S35. Guru yang sentiasa berusaha meningkatkan kualiti dan prestasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah pelaksanaan tanggungjawab terhadap

- I murid.
 - II negara.
 - III ibu bapa murid.
 - IV profesion keguruan.
- A. I dan III sahaja.
 - B. II dan IV sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I, II, III, dan IV.

S36. Guru yang mempunyai kemahiran professional dalam erti kata yang sebenar ialah guru yang

- I mematuhi Kod Etika Keguruan.
 - II mengajar dengan cekap serta berkesan.
 - III mempunyai sijil Diploma Pendidikan yang diiktiraf.
 - IV sering berusaha meningkatkan prestasi profesiannya.
- A. I dan II sahaja.
 - B. III dan IV sahaja.
 - C. I, II dan IV sahaja.
 - D. I, II, III, dan IV.

S37. Untuk merealisasikan reformasi pendidikan di Malaysia, guru harus memainkan peranan sebagai agen perubahan. Ini bermakna guru masa kini harus menukar dari kebiasaan dan rutin yang diamalkan dulu dengan

- I menggunakan strategi berpusatkan murid
 - II melaksanakan program pendidikan bersepadu
 - III mengandaikan murid bersifat homogen dan heterogenus
 - IV mengurus dan membimbing secara demokratik dan kasih sayang
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. I, II, III, dan IV.



TERBUKA

SMK ALAMAH TIRU AMIN HUSAINI
JALAN 10/13A, TTDI, 50480
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
TEL: 03-9054 0888 FAX: 03-9054 0889

- S38.** Aktiviti pengurusan kelas yang kurang berkemampuan mewujudkan iklim bilik darjah dengan berkesan ialah
- A. sering mengingatkan murid supaya mematuhi disiplin.
 - B. menggalakkan murid bekerjasama dalam aktiviti kumpulan.
 - C. menentukan jadual waktu bertugas harian bersama dengan murid.
 - D. menyediakan ruang pembelajaran yang kondusif untuk aktiviti pembelajaran.
- S39.** Di bawah Standard Guru Malaysia, kriteria dan standard am guru yang digariskan adalah berdasarkan kriteria dan Standard
- A. Diploma Pendidikan
 - B. Pendidikan Tinggi
 - C. Kelayakan Perguruan
 - D. *Malaysia Qualification Framework*
- S40.** Yang manakah antara berikut merupakan perubahan utama sistem pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996?
- A. Sekolah Bestari diperkenalkan untuk sekolah rendah dan menengah.
 - B. Reformasi sistem pendidikan untuk mencapai matlamat wawasan 2020.
 - C. Menambah peluang pendidikan tertiar dengan meluluskan penubuhan kolej-universiti swasta.
 - D. Pendidikan pra-sekolah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada sistem persekolahan rendah.
- S41.** Penguatkuasaan Akta Pendidikan 1996 ialah bertujuan untuk
- A. menangani cabaran-cabaran Wawasan 2020.
 - B. memperkuuh semangat perpaduan berbilang kaum.
 - C. memantapkan Sistem Pengurusan Pendidikan Kebangsaan.
 - D. melengkapkan perundangan Sistem Pendidikan Kebangsaan.
- S42.** Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang pertama kali dibentuk adalah daripada syor-syor yang dicadangkan dalam
- A. Laporan Rahman Talib.
 - B. Laporan Fen-Wu.
 - C. Laporan Jawatankuasa Kabinet.
 - D. Laporan Barnes.



DR. HABIBAH BINTI HANIFAH
JABATAN PELAJARAN KEDAH DARUL AMANAH
JALAN 10/100, TTDI, 50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA
TEL: 03-90515511 FAX: 03-90515511

S43. Berikut ialah objektif domain “*Bloom*” kecuali

- A. pengetahuan.
- B. kefahaman.
- C. aplikasi.
- D. apresiasi

S44. Dasar digubal dan dilaksanakan untuk tujuan

- A. kawalan.
- B. pemantauan.
- C. kesinambungan.
- D. psikometrik.

S45. Pendidikan era kemerdekaan menitikberatkan

- A. perpaduan kaum.
- B. kehendak dan nilai penjajah.
- C. demokrasi pendidikan.
- D. pembangunan manusia.

S46. Pilih kenyataan yang tidak merupakan syor Laporan Rahman Talib 1960.

- A. Mengadakan peperiksaan awam di sekolah dalam satu bahasa rasmi sahaja.
- B. Mengadakan pengajaran rendah percuma untuk semua kanak-kanak.
- C. Mengadakan satu jenis sekolah menengah kebangsaan terbuka kepada semua kaum
- D. Menubuhkan sekolah lanjutan.

S47. Matlamat sistem pendidikan bagi memupuk perpaduan negara dijalankan dengan cara

- I. menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah.
 - II. mengurang jurang perbezaan dalam perbezaan dalam peluang-peluang pendidikan di antara kawasan-kawasan.
 - III. mencantumkan sistem-sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak dengan sistem kebangsaan.
 - IV. membenarkan kelas-kelas sosial yang berbeza tarafnya berlanjutan.
- A. I dan II sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. II dan III sahaja.
 - D. I, II, III dan IV.

PERBUKA

- S48.** Pada zaman penjajahan Inggeris, murid-murid di Sekolah Inggeris banyak didedahkan kepada cara hidup dan adat resam orang-orang Inggeris. Walaupun begitu, murid-murid masih tidak lupa akan bahasa dan adat resam ibunda. Ini adalah kerana sekolah mepunyai unsur
- kesinambungan.
 - pengekalan.
 - penggabungjalinan.
 - pembaharuan.
- S49.** Faktor yang bukan penghalang dalam usaha menggalakkan perpaduan ialah
- prejudis.
 - aras kepercayaan.
 - materialism.
 - diskriminasi.
- S50.** Peranan sekolah sebagai satu institusi sosial di negara kita meliputi semua yang berikut kecuali
- melanjutkan unsur-unsur kebudayaan semasa yang sesuai.
 - mengekalkan warisan kebudayaan yang dihargai.
 - mewujudkan satu masyarakat yang berteraskan kebudayaan kaumnya.
 - menapiskan unsur-unsur kebudayaan yang tidak diingini.
- S51.** Gerak kerja kokurikulum yang diadakan di sekolah-sekolah bertujuan untuk
- menbenarkan murid-murid bercampur gaul secara aktif.
 - melatih murid-murid supaya bertanggungjawab.
 - memupuk sifat kepimpinan murid-murid.
 - melahirkan semangat bertandingan secara melampau.
- I, II dan III sahaja.
 - I dan II sahaja.
 - III dan IV sahaja.
 - I, II dan IV sahaja.
- S52.** Faktor berikut bukan merupakan pengaruh sosial terhadap pencapaian persekolahan seseorang murid
- kumpulan sebaya.
 - ideologi.
 - aspirasi sekolah.
 - kedudukan sosio ekonomi.

**TERBUKA**

S53. Faktor-faktor yang mungkin menyebabkan berlakunya keciran persekolahan adalah

- I. sosioekonomi.
 - II. tidak terdapat kemudahan prasekolah.
 - III. tidak ada dorongan ibu bapa.
 - IV. sistem elit.
- A. II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I dan II sahaja
 - D. I, II, III dan IV

S54. Bagi mempupuk perpaduan, perkara-perkara berikut ditekankan di dalam sistem pendidikan di Malaysia, kecuali

- A. Dasar Asimilasi Nasional.
- B. Dasar Pendidikan Kebangsaan.
- C. Dasar Bahasa Kebangsaan.
- D. Dasar Ekonomi Baru.

S55. Persekolahan merupakan satu proses pemasyarakatan kerana sekolah

- A. menyediakan pengajaran yang selaras dengan kehendak masyarakat
- B. membimbing seseorang itu memperolehi corak tingkah laku yang diterima masyarakat
- C. melengkapkan seseorang individu dengan ilmu pengetahuan yang dikehendaki masyarakat
- D. membekalkan tenaga manusia terlatih sejajar dengan kehendak masyarakat

S56. Sosiologi pendidikan membolehkan seseorang bakal guru memahami

- I. proses pengajaran-pembelajaran di sekolah.
 - II. peranan sekolah dalam sesbuah masyarakat.
 - III. ciri-ciri sekolah sebagai satu institusi.
 - IV cara-cara pengelolaan sesebuah sekolah.
- A. II dan IV sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. II dan III sahaja.
 - D. I dan II sahaja.



TERBUKA

MAH TO AMINAH 185
PERSATUAN MUSLIMIN MELAKA
JALAN 3/11/11, TUNKU RAJA HASSAN
80000 MELAKA, MALAYSIA
606-283-0311 0312

- S57.** Di antara yang berikut, manakah yang bukan merupakan faedah penggunaan teknologi dalam pendidikan?
- A. Dapat memupuk minat murid-murid.
 - B. Dapat menjadikan suatu pelajaran itu lebih bermakna.
 - C. Dapat memberi keseronokan kepada murid-murid walaupun objektif pelajaran tidak tercapai.
 - D. Dapat membantu murid-murid membentuk konsep dengan jelas.
- S58.** Pengekalan dan pembaharuan sesebuah masyarakat merupakan antara fungsi-fungsi sekolah yang penting kerana
- A. masyarakat memerlukan unsur-unsur yang stabil dan berubah bagi kewujudannya.
 - B. masyarakat maju harus menerima perubahan.
 - C. sekolah mendukung ideology politik yang ada unsur-unsur baru di dalamnya.
 - D. ahli-ahli masyarakat sekolah ada kalanya kekal dan ada kalanya.
- S59.** Pendidikan adalah satu proses yang paling utama untuk
- A. mewarisi nilai-nilai budaya.
 - B. meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan.
 - C. menghasilkan perubahan sosial sejarah dengan perubahan dalam masyarakat.
 - D. memupuk perkembangan individu dan kewarganegaraan yang sejajar dengan aspirasi dan ideologi negara.
- S60.** Di antara yang berikut, manakah yang bukan kesan daripada cadangan-cadangan Laporan Kabinet?
- A. Pengajaran pemulihan mula ditekankan di sekolah-sekolah.
 - B. Wujudnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah.
 - C. Pelajar sekolah vokasional berpeluang memasuki universiti.
 - D. Kemudahan-kemudahan prasekolah mula disediakan.
- S61.** Perguruan telah diterima sebagai satu profesi kerana ia
- A. memerlukan ilmu, latihan dan kemahiran khas.
 - B. mempunyai sijil latihan khas.
 - C. mempunyai kod etika.
 - D. mempunyai autonomi dan autoriti membuat keputusan berkaitan dengan profesiannya.

MINAH SAHIBU
AMINAH
JABATAN PELAJARAN
KEDAH
JALAN 10/100A
10200 KOTA DAUN
KEDAH DARUL AMANAH

TERBUKA

S62. Kenyataan manakah yang berikut bukan merupakan ciri-ciri Rukun Negara?

- A. Mencapai perpaduan yang lebih erat.
- B. Mengetepikan tradisi-tradisi yang relevan.
- C. Mencipta satu masyarakat yang adil.
- D. Memelihara satu cara hidup demokratik.

S63. Dasar pendidikan wajib dan dasar pendidikan percuma merupakan contoh-contoh dasar pendidikan yang berkaitan dengan

- A. taraf pendidikan.
- B. jurang pendidikan.
- C. peluang pendidikan.
- D. tahap persekolahan.

S64. Manakah antara berikut merujuk kepada komponen standard kompetensi pengetahuan dan kefahaman seperti yang dinyatakan di dalam Standard Guru Malaysia?

- I. Pengurusan bilik darjah.
 - II. Kandungan ilmu pengetahuan.
 - III. Kandungan mata pelajaran yang diajar.
 - IV. Sumber pendidikan dalam pelaksanaan kurikulum.
- A. I dan II sahaja.
 - B. I, II dan III sahaja.
 - C. II, III dan IV sahaja.
 - D. I, II, III dan IV sahaja.

S65. Manakah di antara berikut merujuk kepada contoh menulis objektif tingkah laku yang eksplisit?

Pada akhir pengajaran, pelajar akan dapat

- A. menyedari pentingnya perpaduan rakyat.
- B. menerangkan lima prinsip Rukun Negara.
- C. menghayati keindahan lagu Malaysia Gemilang.
- D. memahami pengajaran daripada sesuatu cerita yang dibaca.

S66. Apakah tindakan yang boleh dilaksanakan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan sesuatu dasar pembangunan pendidikan?

- A. Penilaian.
- B. Pengesyoran.
- C. Pengawasan.
- D. Penstrukturran.



S70. Antara berikut merupakan strategi-strategi utama dalam pelaksanaan Pelan Integrasi Nasional.

- I Penubuhan Sekolah Wawasan.
 - II Pelancaran Rancangan Integrasi Murid untuk perpaduan.
 - III Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara.
 - IV Pelaksanaan Sekolah Bestari.
- A. I dan II sahaja.
 - B. II dan III sahaja,
 - C. I,II dan III sahaja.
 - D. II, III dan IV sahaja.

S71. Yang manakah antara berikut bukan komponen Sistem Pendidikan Bertaraf Dunia?

- A. Penyelidikan dan pembangunan.
- B. Warga pendidikan yang proaktif.
- C. Aplikasi teknologi yang canggih.
- D. Dasar Pendidikan Tertutup.

S72. Pada tahun berapakah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dilancarkan?

- A. 2005
- B. 2006
- C. 2007
- D. 2008

S73. Salah satu unsur yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah pendidikan secara berterusan. Yang manakah antara berikut, tepat menerangkan unsur ini?

- I Pendidikan yang bermula setelah mendapat penganugerahan.
 - II Pendidikan asas di rumah dan tadika.
 - III Pendidikan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.
 - IV Pendidikan yang berbentuk seminar, kursus dan forum
- A. I dan II sahaja.
 - B. II dan III sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. I, II, III dan IV.



TERBUKA

S74. Apakah tiga dimensi utama dalam Model Konseptual Pendidikan Guru?

- I Ketuhanan.
 - II Kendiri.
 - III Kemasyarakatan.
 - IV Kemahiran.
- A. I dan II sahaja.
 - B. II dan III sahaja.
 - C. I,II dan III sahaja.
 - D. I,II,III dan IV.

S75. Antara berikut yang manakah merupakan fokus dan strategi membangunkan modal insan?

- I Meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan.
 - II Mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan murid.
 - III Memupuk murid memiliki kemahiran dan berketerampilan.
 - IV Memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih holistic.
- A. I dan II sahaja.
 - B. II dan II sahaja.
 - C. I,II dan III sahaja.
 - D. I,II,III dan IV sahaja.

S76. Pada tahun berapakah KSSR mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia?

- A. 2011.
- B. 2012.
- C. 2013.
- D. 2014.

S77. Manakah berikut merujuk kepada komponen pengetahuan dan kefahaman sebagaimana yang dinyatakan dalam Standard Guru Malaysia?

- I. Pengurusan kelas.
 - II. Pengetahuan tentang pendidikan.
 - III. Isi kandungan mata pelajaran yang diajar.
 - IV. Sumber pendidikan dalam kurikulum yang dilaksana.
- A. I dan II sahaja.
 - B. III dan IV sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja.
 - D. II, III dan IV sahaja



TERBUKA

- S78. Apakah tindakan yang sepatutnya diambil untuk memastikan kejayaan dalam mana-mana dasar pendidikan yang dilaksanakan
- A. Penilaian.
 - B. Cadangan.
 - C. Pengawasan.
 - D. Penstukturran
- S79. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) merupakan perancangan pembangunan pendidikan untuk jangka masa panjang yang bermula pada tahun 2013 hingga 2015. Manakah antara berikut merupakan gelombang yang merangkumi pelaksanaan PPPM tersebut?
- I Menilai pencapaian dan membaiki kelemahan.
 - II Mempercepatkan peningkatan kemajuan sistem.
 - III Beranjak ke arah kecemerlangan dengan peningkatan keluwesan operasi.
 - IV. Mengubah sistem dengan memberi sokongan kepada guru dan penekanan kemahiran asas.
- A. I dan II sahaja.
 - B. III dan IV sahaja.
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja.
- S80. Mengapakah sistem pendidikan di Malaysia mengamalkan perancangan kurikulum berpusat?
- I. Memastikan kualiti pengajaran yang baik di sekolah.
 - II. Memudahkan perancangan dan pengurusan kurikulum.
 - III. Memastikan kemudahan dan peluang pendidikan yang sama.
 - IV. Keseragaman penyeliaan terhadap pelaksanaan dasar-dasar pendidikan.
- A. I, II dan III sahaja.
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja.
 - D. II, III dan IV sahaja.

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA